Mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Committee, FMC)
21 Julai 2025
Bank Negara Malaysia

Ringkasan

Mesyuarat FMC membincangkan perkembangan terkini pasaran kewangan, diikuti dengan kemas kini kemajuan Kumpulan Kerja Peralihan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) dan pelbagai inisiatif untuk mempertingkatkan pengalaman pelabur dalam pasaran kewangan domestik.

1. Perkembangan pasaran kewangan

1.1 Sejak mesyuarat FMC pada bulan April, ringgit didagangkan secara amnya dalam julat antara 4.20 hingga 4.30 dengan volatiliti kekal selaras dengan trend serantau, disokong oleh jumlah pertukaran asing dalam negeri yang kukuh dengan purata harian sebanyak RM19.4 bilion sejak awal tahun hingga kini (2024: RM17.6 bilion). Aliran portfolio asing secara keseluruhan adalah positif, dengan pelabur asing memegang 21.5% bon kerajaan Malaysia (setakat 16 Julai 2025).

1.2 Mesyuarat FMC bersetuju bahawa hubung kait antara pasaran bon domestik dengan pasaran bon Amerika Syarikat (AS) telah mencatatkan kelemahan, dengan hasil bon kerajaan Malaysia menurun meskipun hasil US Treasury meningkat berikutan kebimbangan fiskal mengenai rang undang-undang belanjawan AS. Ahli FMC juga berpandangan bahawa bon kerajaan Malaysia kekal menarik apabila dibandingkan dengan bon serantau berdasarkan pelarasan risiko.

1.3 Ekuiti domestik menjadi sederhana berikutan sentimen pelabur yang berhati-hati, dengan prestasi yang pelbagai merentas sektor. Ahli FMC menyatakan bahawa ketidakpastian daripada situasi tarif global yang pantas berubah telah menyebabkan kesanggupan pelaburan dan aktiviti pengumpulan dana untuk perniagaan secara amnya berkurang, meskipun industri terpilih seperti pusat data dan pelancongan terus kukuh.

1.4 Berikutan pengurangan kadar dasar semalaman (*overnight policy rate*, OPR) dan keperluan rizab berkanun (*statutory reserve requirement*, SRR) baru-baru ini, kadar pasaran wang antara bank termasuk KLIBOR dan kadar semalaman Malaysia (*Malaysia overnight rate*, MYOR) telah diselaraskan menurun secara teratur. Walau bagaimanapun, ahli FMC menyatakan bahawa kadar deposit korporat telah kembali meningkat selepas penurunan awal, didorong oleh

permintaan yang kukuh daripada bank-bank berikutan perubahan dalam pilihan pendeposit untuk hasil yang lebih tinggi.

2. Peralihan KLIBOR kepada MYOR/MYOR-i

2.1 Mesyuarat telah dimaklumkan mengenai pelantikan ketua dan ketua bersama bagi Kumpulan Kerja Peralihan KLIBOR:

(i) Derivatif: Jeffrey Wong (Standard Chartered) dan Khairul Faizi (Maybank)
(ii) Produk Tunai: Chu Kok Wei (CIMB) dan Alvin Kong (HSBC)
(iii) Syariah: Hanif Ghulam (Affin Bank)

2.2 Para ketua kumpulan kerja yakin bahawa peralihan penanda aras domestik akan mendapat manfaat daripada pemerhatian dan pandangan yang berkaitan dengan usaha peralihan oleh negara lain, serta mencadangkan jangkauan yang jelas dan lebih meluas untuk komunikasi berkenaan pencapaian dan perbincangan industri, yang dikongsikan melalui laman sesawang khusus.

2.3 Mesyuarat FMC membincangkan strategi peralihan dan bersetuju bahawa usaha awal perlu ditumpukan terhadap pelaksanaan asas untuk penetapan harga produk MYOR/MYOR-i, termasuk pendidikan pasaran serta penerbitan kadar terkompaun yang berkaitan. Usaha ini akan mempercepat penggunaan MYOR/MYOR-i untuk produk tunai tradisional seperti pinjaman perniagaan dan memudahkan pembangunan instrumen untuk menguruskan risiko kadar faedah.

2.4 Ahli FMC juga menggariskan kepentingan memastikan peralihan yang lancar untuk produk yang kompleks, yang mungkin memerlukan masa dan usaha tambahan berkaitan dengan pengurusan kontrak sedia ada, penambahbaikan sistem dan reka bentuk produk.

3. Inisiatif untuk mempertingkatkan pengalaman pelabur dalam pasaran kewangan domestik

3.1 Mesyuarat FMC dimaklumkan mengenai kemajuan inisiatif yang sedang dilaksanakan, termasuk penambahbaikan program lindung nilai (*hedging*) dinamik, kerjasama dengan platform maklumat kewangan untuk mengetengahkan lagi bon kerajaan Malaysia dan menyokong penciptaan pasaran Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issues, MGII) melalui repo.

3.2 Selain menyokong replikasi metodologi lindung nilai indeks bawah program lindung nilai dinamik, ahli FMC juga menyokong fleksibiliti tambahan untuk menggunakan instrumen selain urus niaga hadapan FX yang lazim untuk

kecekapan yang lebih meluas, tertakluk pada penilaian lanjut mengenai pertimbangan operasi.

3.3 Berikutan urus niaga sukuk yang semakin meningkat pada peringkat global, ahli FMC membincangkan tentang kesedaran mengenai MGII dalam kalangan pelabur asing dan menyarankan usaha jangkauan yang berterusan bagi meningkatkan pemahaman pelabur tentang pasaran tersebut.

4. Fleksibiliti operasi untuk meningkatkan rangka kerja Pejabat Luar Negara yang Dilantik (Appointed Overseas Office, AOO)

4.1 Mesyuarat FMC membincangkan potensi penambahbaikan untuk meningkatkan kecekapan penyelesaian ringgit melalui AOO. Bank Negara Malaysia (BNM) akan melaksanakan libat urus selanjutnya dengan bank-bank untuk mendapatkan maklum balas mengenai pergeseran (*friction*) sedia ada dan ruang untuk penambahbaikan.

5. Perkara lain

5.1 Ahli FMC memandang positif penerimaan mata wang tempatan yang semakin meningkat untuk penyelesaian perdagangan serantau, meskipun pada kadar yang beransur-ansur.

5.2 Ahli FMC juga membincangkan isu pembiayaan khusus sektor, iaitu syarikat korporat dalam sektor strategik tertentu telah mencari pembiayaan luar pesisir selepas menghadapi cabaran dalam pasaran domestik disebabkan oleh kerumitan penilaian risiko dan penetapan harga pinjaman. Mesyuarat bersetuju supaya industri kewangan dan syarikat korporat yang terjejas terus bekerjasama bagi menyelesaikan isu ini.

Mengenai Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Committee, FMC)

FMC ialah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh BNM pada bulan Mei 2016. Keahlian FMC terdiri daripada wakil BNM, institusi kewangan, syarikat korporat, penyedia perkhidmatan kewangan dan institusi lain yang mempunyai peranan atau penyertaan penting dalam pasaran kewangan.

Bank Negara Malaysia
5 Ogos 2025